



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

STATISTIK PERLOMBONGAN PETROLEUM DAN GAS ASLI SUKU KEDUA 2023

Pengeluaran Minyak mentah & kondensat dan Gas asli menurun pada suku kedua 2023, masing-masing menyusut 3.3 peratus dan 3.7 peratus

PUTRAJAYA, 15 SEPTEMBER 2023 - Pengeluaran Minyak mentah & kondensat dan Gas asli menurun pada suku kedua 2023, masing-masing menyusut 3.3 peratus dan 3.7 peratus. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran pertama **Statistik Perlombongan dan Gas Asli, Suku Kedua 2023**. Laporan ini memuatkan statistik bagi tahun 2015 sehingga suku kedua 2023.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Statistik Perlombongan Petroleum dan Gas Asli Suku Tahunan adalah yang pertama diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang menghimpunkan statistik utama berkaitan dengan industri petroleum dan gas asli. Ia menyediakan rujukan statistik penting kepada pemegang taruh dan pengguna data. Laporan ini membentangkan statistik tahunan dan suku tahunan yang mencakupi pelbagai aspek termasuk pengeluaran, jualan, harga, eksport dan import Minyak mentah & kondensat dan Gas asli. Selain itu, ia juga mengandungi indikator makroekonomi seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Indeks Harga Pengeluar (IHPR), serta statistik guna tenaga dan produktiviti buruh."

Mengulas laporan tersebut, Ketua Perangkawan berkata, "Dari tahun 2015 hingga 2022, pengeluaran tahunan Minyak mentah dan kondensat mencapai nilai tertinggi sebanyak 250.1 juta tong pada tahun 2016. Namun, pengeluaran mula merosot selepas bermulanya pandemik COVID-19, dan seterusnya mencapai 189.1 juta tong pada tahun 2022. Pada tempoh yang sama, purata pengeluaran Gas asli adalah sebanyak 2,716.6 bilion kaki padu dengan pengeluaran terendah yang direkodkan sebanyak 2,525.0 bilion kaki padu pada tahun 2020 manakala yang tertinggi adalah 2,862.9 bilion kaki padu pada tahun 2022."

Menjelaskan lebih lanjut prestasi pengeluaran suku tahunan, beliau menyatakan, "Pengeluaran Minyak mentah dan kondensat mengalami penurunan 3.3 peratus (ST1 2023: 1.5%) tahun-ke-tahun, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 45.5 juta tong

pada suku kedua tahun 2023. Penyusutan ini dipengaruhi oleh penurunan berterusan dalam pengeluaran Minyak mentah sebanyak negatif 7.9 peratus (ST1 2023: -5.5%). Sementara itu, kondensat mengekalkan pertumbuhan dua-digit untuk empat suku tahun berturut-turut, walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 11.3 peratus berbanding 27.0 peratus dalam suku sebelumnya. Dari segi komposisi, Minyak mentah merupakan penyumbang terbesar dengan 72.6 peratus atau bersamaan 33.1 juta tong, manakala kondensat menyumbang 27.4 peratus atau 12.5 juta tong dalam suku kedua tahun 2023.

Sebaliknya, pengeluaran Gas asli berjumlah 676.6 bilion kaki padu pada suku ini, menyusut sebanyak 3.7 peratus selepas sembilan bulan dalam trend peningkatan (ST1 2023: 733.3 bilion kaki padu, 0.6%). Bagi perbandingan dengan suku sebelumnya, pengeluaran Minyak mentah dan kondensat; serta Gas asli masing-masing mengalami penurunan sebanyak 5.6 peratus dan 7.7 peratus."

Harga Minyak mentah dan kondensat telah menunjukkan trend penurunan untuk empat suku tahun berturut-turut, selepas merekodkan USD116.5 per tong pada suku kedua tahun 2022. Pada suku kedua 2023, Harga Purata "*Lifting*" Berpemberat (WALP) bagi Minyak mentah dan kondensat adalah USD80.5 per tong, lebih rendah daripada USD85.6 per tong yang direkodkan dalam suku sebelumnya. Selain itu, harga per tong West Texas Intermediate (WTI) adalah USD73.8 dan Brent adalah USD78.3 pada suku ini.

Melihat kepada prestasi perdagangan luar negara, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Nilai eksport Petroleum mentah dan kondensat berkurang kepada RM6.5 bilion pada suku kedua 2023 (ST1 2023: RM8.3 bilion). Jepun merupakan negara destinasi eksport utama dengan nilai RM1.7 bilion (25.6%), diikuti oleh Thailand (23.3%) dan Australia (17.2%). Sementara itu, nilai eksport bagi Keluaran petroleum bertapis meningkat kepada RM35.3 bilion (ST1 2023: RM33.9 bilion), dengan sejumlah RM7.4 bilion atau 21.0 peratus adalah dieksport ke Australia, diikuti dengan Singapura (19.9%) dan Indonesia (14.4%). Sebaliknya, LNG pula merekodkan nilai eksport yang lebih rendah sebanyak RM12.8 bilion pada suku ini (ST1 2023: RM17.8 bilion) yang mana 43.1 peratus dieksport ke Jepun dengan nilai sebanyak RM5.5 bilion, diikuti oleh China (27.7%) dan Republik Korea (18.2%)."


Sementara itu, nilai import bagi Petroleum mentah dan kondensat berkembang kepada RM16.8 bilion (ST1 2023: RM14.2 bilion) dengan 56.5 peratus atau RM9.5 bilion dari Saudi Arabia. Sementara itu, Emiriah Arab Bersatu berada di tangga kedua dengan sumbangan 13.5 peratus, diikuti oleh Colombia (4.3%). Import Keluaran petroleum bertapis juga meningkat kepada RM33.3 bilion pada suku ini (ST1 2023: RM31.0 bilion) dengan Singapura menyumbang nilai tertinggi sebanyak RM10.4 bilion (31.1%), diikuti oleh Republik Korea (11.6%) dan China (11.2%). LNG merekodkan nilai import sebanyak RM1.1 bilion pada suku ini (ST1 2023: RM1.9 bilion) dengan nilai import dari Australia berjumlah RM0.9 bilion atau 80.1 peratus dan Brunei Darussalam sebanyak 19.9 peratus."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Prestasi Pengeluaran Minyak Mentah dan Kondensat, ST1 2021 - ST2 2023 dan Tahun 2015 hingga 2022




**Carta 2: Prestasi Pengeluaran Gas Asli,
ST1 2021 - ST2 2023 dan Tahun 2015 hingga 2022**




Carta 3 : Harga Minyak Mentah dan Kondensat, ST1 2021 - ST2 2023



Carta 4: Eksport Petroleum Mentah & Kondensat, Keluaran Petroleum Bertapis dan Gas Asli Cecair (LNG), ST1 2021 - ST2 2023



Carta 5: Import Petroleum Mentah & Kondensat, Keluaran Petroleum Bertapis dan Gas Asli Cecair (LNG), ST1 2021 - ST2 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
15 SEPTEMBER 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MINING OF PETROLEUM AND NATURAL GAS STATISTICS SECOND QUARTER 2023

Production of Crude oil & condensate and Natural gas declined in the second quarter of 2023, contracted by 3.3 per cent and 3.7 per cent respectively

PUTRAJAYA, 15 September 2023 - The production of Crude oil & condensate and Natural gas declined in the second quarter of 2023, contracted by 3.3 per cent and 3.7 per cent respectively. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the first release of **Mining of Petroleum and Natural Gas Statistics, Second Quarter 2023**. This report presents statistics for the year of 2015 until the second quarter of 2023.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The Quarterly Mining of Petroleum and Natural Gas Statistics is the first published by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) that compile key statistics related to the petroleum and natural gas industry. It provides an essential statistical reference for stakeholders and data users. The report presents annual and quarterly statistics encompassing various aspects including production, sales, prices, exports and imports of crude oil & condensate and natural gas. Additionally, it features macroeconomic indicators such as Gross Domestic Product (GDP), Industrial Production Index (IPI), Producer Price Index (PPI), as well as employment and labour productivity statistics."

Commenting on the report, the Chief Statistician said, "From 2015 to 2022, the annual production of Crude oil and condensate posted the highest value of 250.1 million barrels in 2016. However, production began to decline following the onset of the COVID-19 pandemic, and subsequently reaching 189.1 million barrels in 2022. During the same period, Natural gas production averaged 2,716.6 billion cubic feet with the lowest recorded production of 2,525.0 billion cubic feet in 2020 while the highest was 2,862.9 billion cubic feet in 2022."

Elaborating further on the quarterly performance of production, he stated, "The production of Crude oil and condensate dropped by 3.3 per cent (Q1 2023: 1.5%) year-on-year, with a production value of 45.5 million barrels in the second quarter of 2023. The contraction was influenced by the continuous decline in Crude oil production by negative 7.9 per cent (Q1 2023: -5.5%). Meanwhile, the condensate maintained its

double-digit growth for four consecutive quarters albeit at a slower pace of 11.3 per cent as against 27.0 per cent in the previous quarter. In terms of composition, Crude oil was the largest contributor with 72.6 per cent share or equivalent to 33.1 million barrels, while condensate contributed 27.4 per cent or 12.5 million barrels in the second quarter of 2023.

On the other hand, the production of Natural gas amounted to 676.6 billion cubic feet in this quarter, shrank 3.7 per cent after nine months on the increasing trend (Q1 2023: 733.3 billion cubic feet, 0.6%). In comparison with the previous quarter, production of Crude oil and condensate; and Natural gas declined by 5.6 per cent and 7.7 per cent, respectively.”

The price of Crude oil and condensate has been showing a declining trend for the fourth quarter, after recording USD116.5 per barrel in the second quarter of 2022. In the second quarter of 2023, the Weighted Average Lifting Price (WALP) of Crude oil and condensate was USD80.5 per barrel, lower than USD85.6 per barrel recorded in the previous quarter. Additionally, the price per barrel of West Texas Intermediate (WTI) recorded USD73.8 and Brent USD78.3 in this quarter.

Looking at the external trade performance, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The export value of Crude petroleum and condensate decreased to RM6.5 billion in the second quarter of 2023 (Q1 2023: RM8.3 billion). Japan was the major export destination with a value of RM1.7 billion (25.6%), followed by Thailand (23.3%) and Australia (17.2%). Meanwhile, the export value of Refined petroleum products increased to RM35.3 billion (Q1 2023: RM33.9 billion), with a total of RM7.4 billion or 21.0 per cent being exported to Australia, followed by Singapore (19.9%) and Indonesia (14.4%). LNG, on the other hand, recorded a lower export value of RM12.8 billion in this quarter (Q1 2023: RM17.8 billion), of which 43.1 per cent was exported to Japan with a value of RM5.5 billion, followed by China (27.7%) and the Republic of Korea (18.2%).

Meanwhile, the import value of Crude petroleum and condensate expanded to RM16.8 billion (Q1 2023: RM14.2 billion) with 56.5 per cent or RM9.5 billion from Saudi Arabia. Meanwhile, the United Arab Emirates ranked second with a share of 13.5 per cent, and followed by Colombia (4.3%). The imports of Refined petroleum products also posted an increase to RM33.3 billion in this quarter (Q1 2023: RM31.0 billion) with Singapore contributing the highest value of RM10.4 billion (31.1%), followed by the Republic of Korea (11.6%) and China (11.2%). LNG recorded an import value of RM1.1 billion in this quarter (Q1 2023: RM1.9 billion) with the import value from Australia amounted to RM0.9 billion or 80.1 per cent and Brunei Darussalam 19.9 per cent.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Crude Oil and Condensate Production Performance, for Q1 2021 to Q2 2023 and Year 2015 to 2022




Chart 2: Performance of Natural Gas Production, for Q1 2021 to Q2 2023 and Year 2015 to 2022




Chart 3 : Prices of Crude Oil and Condensate, Q1 2021 - Q2 2023




Chart 4: Exports of Crude Petroleum & Condensate, Refined Petroleum Products and Liquefied Natural Gas (LNG), Q1 2021 - Q2 2023





Chart 5 : Imports of Crude Petroleum & Condensate, Refined Petroleum Products and Liquefied Natural Gas (LNG), Q1 2021 - Q2 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
15 SEPTEMBER 2023**